UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

# YWP 323 – Penulisan Rencana

Masa: 2 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 3 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

***Jawab DUA (2) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.***

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Pilih salah satu definisi penulisan rencana yang tertera di bawah dan bincangkan dengan contoh-contoh.

   (a) "Penulisan yang kreatif, kadang-kadang subjektif yang mempunyai tujuan khusus untuk menghibur dan memberitahu pembaca tentang sesuatu kejadian, keadaan atau satu aspek kehidupan." (Williamson, 1975)

   (b) "Cerita yang dikarang berdasarkan kejadian sebenar untuk menonjolkan aspek manusia dan kemanusiaan." (Mencher, 1984,)

(100 markah)

...2/-

2. Amerika mendominasi industri filem dan televisyen dan khususnya mengawal aliran program filem dan televisyen. Apakah faktor-faktor dan pengaruh yang boleh menjelaskan dominasi Amerika ke atas industri-industri tersebut? Apakah implikasi utama pendominasian Amerika ke atas industri-industri ini terhadap bidang politik/ideologi dan budaya?

*(America dominates the world's film and television industries and specifically controls the global flow of films and television programs. What are the factors and forces that explain this American domination of each of these industries? What are some of the major implications of this American domination of the world's cultural industries in the political/ideological and cultural sphere?)*

(100 markah)

3. Dalam banyak negara Asia dan membangun, kerajaan-kerajaannya cuba mengawal televisyen atas nama kepentingan umum, pembangunan negara dan perpaduan serta kedaulatan politik dan budaya. Apakah idealisme penyiaran awam dan apakah perbezaan utama antara model penyiaran pluralis dan komersial? Setakat manakah Malaysia berjaya mewujudkan sistem media campuran di mana kedua-duanya wujud dan melaksanakan peranan dan fungsi masing-masing?

*(In most Asian and developing nations, governments have strived to control the television medium in the name of public interest, national development and unity as well as political and cultural sovereignty. What are the ideals of public service broadcasting and what are the major differences between this pluralist model of broadcasting and the majoritarian or commerical model? To what extent has Malaysia succeeded in having a mixed media system where both these systems coexist and perfom their respective roles and function).*

(100 markah)

4. Ramai mempercayai bahawa televisyenlah yang bertanggungjawab terhadap kemerosotan filem dan kekurangan khalayak serta populariti sebagai alat hiburan massa. Adakah medium-medium ini bersaing antara satu sama lain ataukah mereka semakin saling memerlukan antara satu sama lain? Jawab soalan ini dengan membincangkan hubungan antara kedua-dua medium tersebut, ciri-ciri mereka, peranan, khalayak dan perkembangannya.

*(Many believe that it was television which was responsible for the decline of the film medium and its share of audiences and popularity as a vehicle of mass entertainment. Are these two media competing with each other or are they becoming increasingly complementary? Answer this question by discussing the relationship* between the two media, their characteristics, role, audiences and development.)

(100 markah)

-oooOooo-